

06 FEB 1997

Mahathir-sosial

GEJALA SOSIAL LEBIH KETARA DI KELANTAN

ALOR SETAR, 6 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata gejala sosial lebih ketara di Kelantan berbanding dengan negeri-negeri lain.

Menurut Perdana Menteri, kajian yang dijalankan mendapati pelbagai masalah sosial termasuk HIV, AIDS dan dadah, lebih tinggi di Kelantan daripada negeri-negeri lain seperti Kedah dan Perlis yang juga bersempadan dengan Thailand.

Beliau menyatakan ini sebagai mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kononnya masalah itu tidak serius di negeri itu kerana kerajaan negeri mempunyai cara tersendiri mengatasinya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak mendedahkan perkara itu dalam mesyuarat khas dengan pihak berkuasa agama negeri-negeri di Kuala Lumpur semalam kerana tidak mahu mana-mana pihak berkecil hati.

"Janganlah berkata dengan angkuh kita boleh buat manakala orang lain tidak boleh," katanya pada majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Kepala Batas, dekat sini hari ini.

Nik Aziz dilaporkan berkata beliau tidak dijemput menghadiri mesyuarat khas berkenaan untuk membincangkan masalah sosial di kalangan remaja Islam itu.

Beliau juga dilaporkan membuat cadangan supaya kerajaan Pusat mencontohi kerajaan Kelantan dalam memerangi gejala sosial di kalangan remaja.

Perdana Menteri berkata Nik Aziz mendakwa kononnya masalah itu dapat diatasi di Kelantan tetapi perangkaan menunjukkan keadaannya lebih teruk di negeri itu berbanding dengan negeri-negeri lain.

Beliau juga menjelaskan bahawa tidak semua Menteri Besar menghadiri mesyuarat tersebut, termasuk Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid.

Katanya, mesyuarat itu dihadiri anggota-anggota Exco dan pegawai yang berkenaan dengan hal ehwal agama di negeri masing-masing.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu diadakan secara tergesa-gesa kerana kerajaan berpendapat masalah sosial sudah sampai ke peringkat yang serius dan perlu ditangani dengan tegas dan berkesan.

Beliau sekali lagi meminta masyarakat, khususnya umat Islam supaya mencari sebab kenapa lebih ramai remaja Islam yang terjebak dalam gejala itu berbanding dengan remaja masyarakat lain.

Kalau pembangunan, kemajuan dan kemakmuran hidup menjadi puncanya, beliau bertanya kenapa pula masyarakat lain yang turut terdedah kepada keadaan yang serupa tidak begitu terlibat dalam gejala sosial.

Perdana Menteri berkata yang penting bagi setiap umat Islam itu berpegang teguh kepada nilai agama dan mempunyai keimanan yang kukuh bagi menjadi benteng yang dapat menghalang mereka daripada terjebak dalam gejala tersebut.

Dr Mahathir juga berkata sementara sistem pendidikan agama meneruskan kepada pengajaran fardu ain dan ibadat, tumpuan juga perlu diberikan kepada usaha menjelaskan keburukan sesuatu aktiviti tidak sihat dari aspek agama.

"Memang perlu kita mengajar hukum agama tetapi para pelajar perlu juga diberikan penekanan tentang sesuatu hal, contoh kenapa Islam tegah kita terlibat dengan dadah dan sebagainya," katanya. -- BERNAMA

MFJ OBA